

**BN P.Pinang Mahu Rumah PPR Dibina Di Taman Manggis
Bernama
5 Disember, 2012**

GEORGE TOWN, 5 Dis (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang membuat keputusan hanya akan membina Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Taman Manggis, di sini bagi membantu rakyat miskin di negeri ini.

Ketua Pemuda BN negeri Oh Tong Keong berkata keputusan itu dibuat pada mesyuarat baru-baru ini dan ia sekaligus menolak cadangan Pengarah Taman Manggis Fasa 2 Development Sdn Bhd, Khoo Boo Soon yang mahu membina rumah mampu milik di atas tanah seluas 0.45 hektar itu.

"Keputusan kami muktamad iaitu bina PPR untuk membantu rakyat negeri ini dan ia selaras dengan tujuan asal BN membeli semula tanah terbabit," katanya pada sidang akhbar di sini Rabu.

Dalam kertas cadangan itu, Khoo menyatakan pihaknya akan membina rumah mampu milik dengan harga jualan RM400 sekaki persegi.

Cadangan pembinaan melibatkan bangunan 22 tingkat yang terdiri daripada dua jenis kediaman mampu milik dan 11 unit kedai yang akan diserahkan kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang, taman rekreasi dan 250 tempat letak kereta.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=714165>